

## Garis Panduan Permohonan Pengecualian Cukai Jualan Kepada Pengusaha Bas Ke Atas Pembelian Bas Siap Termasuk Penyaman Udara Yang Dipasang Dalam Negara

### Pengenalan

Pengenalan semula cukai jualan mulai September 2018 turut terpakai ke atas semua pembelian bas. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan telah bersetuju memberi pengecualian cukai jualan kepada pengusaha bas ke atas pembelian bas siap termasuk penyaman udara yang dipasang dalam negara dengan bertujuan untuk mengurangkan kos operasi pengusaha bas.

Pengusaha bas yang ingin membeli komponen utama bas untuk dipasang oleh pengilang / pemasang bas juga layak mendapat pengecualian cukai jualan. Komponen utama tersebut adalah seperti berikut:

- i. *chassis fitted engine*; dan
- ii. penyaman udara.

### Pengusaha Bas Yang Layak

- i. Bas Ekspres;
- ii. Bas Henti-Henti;
- iii. Bas Sekolah;
- iv. Bas Persiaran; dan
- v. Bas Pekerja.

### Prosedur Permohonan

- i. Pengusaha bas hendaklah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan sebelum pembelian dibuat. Bagi pengusaha yang telah membuat pembelian sehingga Disember 2018, permohonan pulang balik hendaklah dikemukakan sebelum 28 Februari 2019;
- ii. Permohonan tersebut hendaklah disertakan dokumen seperti berikut:
  - a. Kelulusan salinan permit yang sah iaitu salinan Surat Tawaran Kelulusan (STK) sama ada daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP); dan
  - b. Salinan invoice / sebut harga / *purchase order* / *buyer's order* / resit deposit.
- iii. Melengkapkan borang BC/PB/2018 berserta nombor chassis dan nombor enjin untuk dikemukakan kepada:-

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Cukai  
Tingkat 7, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Encik Azlan Bin Ahmad / Puan Siti Farah Binti Arbaain)  
No. Telefon : 03-8882 3314 / 8882 3372  
No. Faks : 03-8882 3885  
E-mel : [aazlan@treasury.gov.my](mailto:aazlan@treasury.gov.my) / [farah.arbaain@treasury.gov.my](mailto:farah.arbaain@treasury.gov.my)

### Tempoh Pengecualian

Pengecualian ini berkuat kuasa sehingga **31 Disember 2020**.



D.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Cukai  
Perbendaharaan Malaysia

Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan  
23 Januari 2019

PERMOHONAN PENGECEUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS BAS SIAP  
TERMASUK PENYAMAN UDARA YANG DIPASANG DALAM NEGARA OLEH PENGUSAHA BAS

NAMA PENGUSAHA BAS : NO. LESEN SPAD/LPKP :  
BILANGAN BAS YANG DICADANG UNTUK DIBELI : TEMPOH SAH LESEN :

BIL.	KETERANGAN PERALATAN YANG DIKECEUALIKAN CUKAI	KUANTITI	NAMA PENGELUAR/PEMASANG	JANGKAAN TARIKH PEMBELIAN	HARGA	JUMLAH CUKAI JUALAN (RM)
1.	CHASSIS FITTED WITH ENGINE Model : Engine No : Chassis No :					
2.	PENYAMAN UDARA					
3.	BADAN BAS					
JUMLAH BESAR						JUMLAH BESAR

No. Telefon Untuk Dihubungi : .....  
Emel : .....  
Surat keputusan :  Pos  Kaunter